

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHOW KON YEOW [ TANJONG ]**

**TARIKH : 30 SEPTEMBER 2021 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**TUAN CHOW KON YEOW [ TANJONG ]** minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan perkembangan pelaksanaan Skim Penyaluran Air Mentah Sungai Perak (SPRWTS) dan bilakah ia dapat dimulakan memandangkan ia perlu disiapkan menjelang tahun 2025 bagi memenuhi keperluan sumber air mencukupi kepada rakyat dan industri di Pulau Pinang.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kajian Penilaian Opsyen dan Kajian Pra-Rekabentuk Kejuruteraan bagi Cadangan Projek Skim Pemindahan Air dari Sungai Perak untuk Bekalan Air Utara Perak dan Negeri Pulau Pinang telah dilaksanakan pada November 2020 dan dijadualkan siap pada November 2021. Walau bagaimanapun, ekoran penularan wabak Pandemik Covid-19, kajian hanya dapat disiapkan pada suku kedua tahun 2022.
2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, berdasarkan unjuran oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), Pulau Pinang adalah antara negeri yang mempunyai rizab margin yang tertinggi dalam negara ini iaitu 28% menjelang 2025. Ini bermakna sumber yang ada sekarang adalah mencukupi bagi memenuhi keperluan rakyat dan industri di Pulau Pinang.
3. Bagi memastikan pelaksanaan projek ini dapat disegerakan, Kementerian ingin mencadangkan agar Kerajaan Pulau Pinang berbincang dengan Kerajaan Negeri Perak bagi mencapai kata sepakat berkaitan mekanisme terbaik demi kebaikan kedua-dua negeri.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN TAN KOK WAI [CHERAS]**

**TARIKH : 30 SEPTEMBER 2021 (KHAMIS)**

**SOALAN**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan keadaan semasa golongan miskin bandar dan miskin luar bandar serta apa yang perlu dilakukan untuk membantu golongan keluar berpendapatan rendah pulih daripada kes pandemik ini.

**JAWAPAN**

**YB DATO' SRI MUSTAPA MOHAMED  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Seperti mana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, berdasarkan Laporan Survei Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIES & BA) 2019, Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) nasional adalah sebanyak RM2,208 sebulan, berbanding dengan PGK 2016 yang mengguna pakai metodologi tahun 2005 iaitu sebanyak RM980 sebulan. Dengan menggunakan metodologi PGK 2019, kadar kemiskinan mutlak adalah 5.6% terdiri dari 405.4 ribu isi rumah pada tahun 2019. Kadar kemiskinan bandar adalah 3.8% (223.3 ribu isi rumah) dan kadar kemiskinan luar bandar sebanyak 12.4% (182.1 ribu isi rumah) pada tahun yang sama.

2. Walau bagaimanapun, akibat pandemik COVID-19 dan senario ekonomi semasa, kadar kemiskinan mutlak telah meningkat kepada 8.4% (639.8 ribu isi rumah) pada tahun 2020 daripada 5.6% (405.4 ribu isi rumah) pada tahun 2019 berdasarkan Laporan Anggaran Pendapatan Isi Rumah dan Insiden Kemiskinan 2020. Kadar pengangguran meningkat dengan ketara kepada 4.5% (711.0 ribu individu) pada tahun 2020, dibandingkan dengan 3.3% pada tahun 2019. Berdasarkan kepada Laporan Survei Gaji & Upah 2020, purata gaji dan upah menyusut sebanyak 9.0% pada tahun 2020 berbanding tahun 2019. Pandemik COVID-19 ini bukan sahaja menjelaskan isi rumah B40 tetapi juga isi rumah M40 dan isi rumah T20. Secara keseluruhannya, penularan pandemik COVID-19 telah memberi impak luar jangka kepada pendapatan isi rumah bandar dan luar bandar dan seterusnya menjelaskan struktur kumpulan isi rumah.
3. Sebagai Kerajaan yang prihatin, Kerajaan telah merangka perancangan dan pelaksanaan Strategi Pemulihan Ekonomi Negara 6R dengan tumpuan untuk melindungi kehidupan dan punca pendapatan rakyat, kemampanan perniagaan dan menjana ekonomi bagi mendepani pandemik COVID-19. Strategi tersebut merangkumi 6 fasa iaitu dengan izin, *Resolve* (ketegasan), *Resilient* (ketahanan), *Restart* (memulakan semula), *Recovery* (pemulihan), *Revitalise* (memperkasa) dan *Reform* (menyusun semula).
4. Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) akan menangani kemiskinan dan ketidaksamarataan daripada perspektif pelbagai dimensi bagi jangka masa sederhana dan panjang. Strategi yang akan dilaksana termasuk menambah baik akses kepada perkhidmatan penting, meningkatkan pendapatan dan taraf hidup isi rumah miskin, menangani kemiskinan bandar, memperkuuh mekanisme penyampaian perkhidmatan dan mengurangkan ketidaksamarataan antara isi rumah. Program pembasmian kemiskinan akan dilaksana melalui kerjasama lebih erat dalam kalangan agensi Kerajaan serta usahasama di antara sektor awam, sektor swasta, pertubuhan masyarakat civil (CSO) dan masyarakat. Tumpuan khusus akan diberi kepada daerah dan lokasi yang termiskin di bandar dan luar bandar.

5. Secara khususnya, Kerajaan akan meneruskan dasar dan strategi untuk meningkatkan pendapatan dan kuasa beli serta kesejahteraan terutamanya isi rumah miskin dalam kalangan B40 di bandar dan luar bandar antaranya:

- (i) Meningkatkan pendapatan isi rumah miskin

Dalam meningkat dan mempelbagaikan pendapatan isi rumah miskin, program kebajikan produktif seperti keusahawanan dan pembiayaan mikro akan dipergiat untuk menyediakan peluang ekonomi kepada isi rumah miskin. Disamping itu, sektor swasta akan digalak untuk menawarkan bantuan berstruktur dan bersasar kepada isi rumah miskin dengan menyediakan biasiswa dan latihan, peluang keusahawanan dan pekerjaan serta melaksanakan program yang memberi manfaat melalui kaedah pembangunan setempat.

- (ii) Penambahbaikan akses kepada perkhidmatan penting

Akses kepada perkhidmatan penting merupakan asas utama dalam menangani kemiskinan. Tumpuan akan diberi untuk meningkatkan akses kepada pendidikan dan latihan kemahiran yang berkualiti serta menambah baik perkhidmatan penjagaan kesihatan. Intervensi bersasar seperti biasiswa akan disediakan bagi meringankan beban kewangan isi rumah miskin untuk melanjutkan latihan kemahiran, TVET dan pendidikan tinggi. Jangkauan penjagaan pra-kelahiran kepada perkhidmatan geriatrik untuk isi rumah miskin akan diperluas di samping menggalakkan pengambilan makanan seimbang melalui program bakul makanan untuk isi rumah miskin.

- (iii) Menangani peningkatan kos sara hidup dan meningkatkan kuasa beli

Usaha mengurangkan ketidaksamarataan antara isi rumah akan dipergiat bagi mempertingkatkan keterangkuman dan mencapai kesaksamaan untuk semua. Usaha ini termasuk

menangani peningkatan kos sara hidup dan meningkatkan kuasa beli. Dalam hubungan ini, penguatkuasaan kawalan harga barang dan perkhidmatan akan dipertingkat bagi menangani manipulasi harga. Inisiatif *foodbank* dan program tanggungjawab sosial korporat (CSR) akan membantu mengurangkan beban kewangan isi rumah miskin. Tambahan lagi, literasi dan pendidikan kewangan akan digalakkan pada semua peringkat umur.

(iv) Memperkuuh perlindungan sosial untuk semua

Majlis Perlindungan Sosial Malaysia (MySPC) dan Jawatankuasa Khas Kabinet Menangani Kemiskinan (JKKM) telah digabungkan menjadi satu entiti. Langkah ini diambil bagi mengukuhkan penyelarasan penggubalan dasar serta melaksanakan strategi perlindungan sosial yang lebih berkesan. Selain daripada menangani isu kemiskinan, majlis ini juga akan menumpukan kepada isu insurans sosial dan pasaran buruh.

6. Bagi menangani kemiskinan dan meningkatkan mekanisme penyampaian perkhidmatan di peringkat akar umbi, Kerajaan akan memperkuuh pendekatan dari bawah ke atas atau *bottom-up approach*, dengan izin, dalam kalangan pemegang taruh antara Kerajaan, swasta, organisasi berasaskan komuniti (CBO) dan rakyat. Justeru, pendekatan ini akan dipertingkat dengan penglibatan organisasi masyarakat sivil dan organisasi berasaskan komuniti. Pihak berkuasa di peringkat daerah juga juga akan diperkasa untuk mengenal pasti dan mengurangkan insiden kemiskinan pada peringkat komuniti.

7. Kerajaan percaya bahawa dasar dan strategi di atas dapat menangani kemiskinan kesan daripada pandemik, seterusnya membina negara yang makmur bagi Keluarga Malaysia. Sekian, terima kasih.